



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 OGOS 2021 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

18 OGOS 2021 (RABU)

Seleweng 17,000 liter diesel, petrol dalam stor terpendil

Bukit Kayu Hitam: Sebuah stor terletak di kawasan terlindung dan berhampiran kebun sayur di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam di sini, diserbu pihak berkuasa semalam kerana disyaki terbabit dalam kegiatan penyelewengan diesel dan petrol.

Serbu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kubang Pasu jam 12 tengah hari.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kubang Pasu, K Muniandy berkata, berdasarkan intipan dan maklumat diterima, pihaknya melakukan pemeriksaan di kawasan itu dan menemui tiga pam minyak.

Beliau berkata, ketika itu ada seorang lelaki tempatan berusia 57 tahun yang disyaki penjaga stor dan diambil keterangan.

“Stor itu dipercayai baru beroperasi tiga minggu berdasarkan tanah yang belum kering.

“Ada sebuah tangki berisi 15,000 liter diesel manakala pam bawah tanah disyaki mengandungi 2,000 liter petrol yang beroperasi secara haram,” katanya di lokasi serbu semalam.

Muniandy berkata, diesel dan petrol itu dipercayai diseleweng yang digunakan lori kontena masuk dari negara jiran.

Katanya, petrol dan diesel itu diperolehi dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan pihaknya menjalankan siasatan lanjut.



PENOLONG Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Kubang Pasu, Muhammad Yusri Mustad (kanan) memeriksa minyak yang disimpan di stor haram penyimpanan minyak petrol dan diesel di kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam. Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

HARI : _____

RABU

TARIKH : _____

18/08/2021

M/SURAT : _____

14



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.90	• Telur Gred A	RM11.90	• Cili Merah	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan RM35		• Ikan Kembung	RM15.90	• Kubis Tempatan	RM3.49
• Daging Lembu Import RM25.83		• Minyak Masak	RM6.50	• Tepung Gandum	RM2.25
		• Gula Pasir	RM2.85		
		• Bawang Besar Holland	RM2.80		
		• Bawang Putih	RM6.90		

*Harga (RM/kg) Sumbet: KPDNHEP